



## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA**  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### SEMPENA

MAJLIS JASAMU DIKENANG TAHUN 2019

### OLEH

YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L  
KARPAL SINGH  
**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**  
**MERANGKAP**  
**PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN, KERAJAAN**  
**TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**08 OGOS 2019 (KHAMIS)**  
**2.30 PETANG**

**SUNWAY HOTEL, SEBERANG JAYA**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh**

EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran MPSP

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**YBhg. Datin Hjh. Che Limah Binti Hj. Ujang**

Pengerusi PUSPANITA MPSP

**Encik Mohd. Tahir bin Othman**

Pengerusi ANULAE Seberang Perai

**Encik Mat Nasir bin Hassan**

Naib Yang Dipertua PESUKA

**Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff**

Yang Dipertua PERMAI

**Puan Latifah binti Razali**

Pengerusi KOSPEMA

**Yang Diraikan Para Pesara Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2019. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Kapral Singh, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa kerana sudi bersama-sama dengan Ahli-Ahli Majlis MPSP, Puan Setiausaha Perbandaran MPSP, Ketua-Ketua Jabatan MPSP dan seluruh kakitangan MPSP yang berkumpul pada petang ini untuk meraikan rakan-rakan kita yang bersara dan menamatkan perkhidmatan dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak urusetia kerana berjaya mengadakan Majlis ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

Setiap tahun, MPSP akan mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bersama-sama dengan Majlis Penghargaan Bersara. Walau bagaimanapun, pada kali ini, MPSP mula menganjurkan kedua-dua majlis ini secara berasingan. Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2019 pada petang ini adalah merupakan satu penghargaan serta ucapan

terima kasih yang tidak terhingga pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai atas sumbangan dan khidmat bakti serta usaha yang telah dicurahkan oleh para pesara sekalian dengan penuh dedikasi. Majlis ini merupakan satu bentuk pengiktirafan dan tanda penghargaan pihak MPSP kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah bersama-sama menyemai bakti menjadikan MPSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang menyumbang secara konsisten kepada pembangunan dan kemajuan Seberang Perai serta telah berjaya meletakkan nama Majlis Perbandaran Seberang Perai sehingga ke persada antarabangsa.

Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2019 ini meraikan seramai 58 orang pesara yang terdiri daripada 26 orang pesara wajib, 18 orang pesara pilihan sendiri, dua (2) orang bersara atas sebab kesihatan serta mengingati perkhidmatan 12 orang kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah meninggal dunia di dalam perkhidmatan. Pesara dan juga waris kepada pesara akan menerima sebuah jam tangan sebagai cenderamata dan juga sijil penghargaan di atas perkhidmatan mereka selama bertugas di MPSP.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

Persaraan membawa pelbagai pengertian dan makna bagi setiap penjawat awam. Pastinya tuan-tuan dan puan-puan telah pun membuat perancangan bagi menghadapi alam baru. Mungkin ada yang merancang untuk menceburi bidang perniagaan, memperbanyakkan amal ibadat, mahupun menyertai badan-badan bukan kerajaan (NGO) sebagai sukarelawan. Malah ada yang berhasrat untuk menghabiskan masa bersama-sama keluarga tercinta. Walau apa pun juga perancangan itu, pesara sebenarnya sedang melangkah ke fasa hidup yang baru dan pastinya akan berhadapan dengan suasana dan cabaran yang berbeza daripada alam pekerjaan.

Saya percaya ada di kalangan tuan-tuan dan puan-puan yang telah berkhidmat melebihi 30 tahun dalam perkhidmatan awam. Dalam tempoh yang panjang ini, semestinya tuan-tuan dan puan-puan telah mengharungi pelbagai suka dan duka ketika tempoh perkhidmatan. Saya yakin, terlalu banyak pengalaman serta pengetahuan yang anda timba dan kecapi selama ini serta patut dijadikan sebagai contoh tauladan dan sempadan kepada generasi yang masih berkhidmat sekarang bak kata pepatah Melayu “pengalaman adalah guru terbaik”.

Suka juga saya mencadangkan supaya di samping berehat panjang, tuan-tuan dan puan-puan bolehlah mengambil peluang melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh kerajaan atau badan-badan sukarela bagi mengupayakan diri tuan-tuan dan puan-puan di samping mengisi masa lapang seperti meningkatkan ilmu akhirat, ilmu kemahiran hidup dan ilmu perniagaan.

Adalah menjadi satu kerugian besar kepada Negara sekiranya bakat dan pengalaman yang telah ditimba setelah berkhidmat bertahun-tahun di dalam perkhidmatan awam dipersia-siakan begitu sahaja. Ikutilah naluri hati, mudah-mudahan tuan-tuan dan puan-puan akan mencapai kejayaan di dalam apa juu bidang yang diceburi kelak.

### **Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

MPSP sehingga kini mempunyai keseluruhan kakitangan seramai 4,028 orang dan 3,464 (86%) adalah kakitangan lelaki manakala selebihnya iaitu 564 (14%) orang adalah kakitangan wanita yang berkhidmat dalam bidang pengurusan, sokongan, teknikal, perkeranian dan pekerja am. Untuk makluman, tidak dinafikan kakitangan kumpulan sokongan MPSP adalah lebih besar daripada kakitangan kumpulan

sokongan wanita memandangkan kakitangan ini merupakan buruh yang bekerja di lapangan. Bilangan pegawai di peringkat Pengurusan dan Profesional berjumlah 65 orang di mana bilangan pegawai wanita adalah 31 orang (48%) dan pegawai lelaki sebanyak 34 orang (52%). Di sini kita dapat lihat bahawa MPSP sentiasa mengarus perdanakan Gender Ke Arah Kesetaraan Gender Dalam MPSP. Ini bersesuaian dengan Dasar Keterangkuman Gender Pulau Pinang yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang yang mensasarkan nisbah 40:40:20 (40 peratus wanita, 40 peratus lelaki dan 20 peratus lelaki dan wanita) sebagai penanda aras bagi penyertaan wanita dan lelaki di peringkat pembuat dasar agar tidak ada satu gender pun yang mendominasikan proses membuat keputusan (dasar).

MPSP mampu menjadi teladan dan inspirasi dalam usaha mengurangkan jurang gender ini dengan mengambil pendekatan menjayakan Dasar Keterangkuman Gender dalam penyampaian perkhidmatan dan akan memberi impak yang positif serta mampu mewujudkan persekitaran yang mesra gender. Dasar Keterangkuman Gender ini juga adalah selaras dengan visi Penang2030 yang memberi peluang kepada setiap individu untuk memaksimumkan potensi diri sekaligus mewujudkan masyarakat yang saling menghormati tanpa mengira gender.

Kakitangan-kakitangan ini merupakan aset yang penting yang sentiasa diberi perhatian oleh pihak pengurusan. Tanpa penglibatan dan sokongan mereka, MPSP tidak dapat menempa nama dan terus gemilang menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang cemerlang. MPSP telah menyediakan kemudahan-kemudahan untuk kebajikan semua kakitangan. Antaranya kemudahan klinik panel dan pergigian, bayaran *ex-gratia* bencana kerja bagi pekerja tetap yang ditimpa kemalangan dan hilang upaya langsung yang kekal atau kematian semasa menjalankan tugas rasmi, SOCSO bagi pekerja kontrak dan kemudahan rawatan perubatan di hospital-hospital kerajaan. Bagi pesara MPSP pula, di antara kemudahan dan kebajikan yang disediakan adalah kemudahan rawatan perubatan di hospital dan juga kemudahan parkir percuma di kawasan Seberang Perai.

Saya menghargai usaha-usaha yang ditunjukkan oleh semua kakitangan MPSP tidak kira peringkat jawatan. Pembaharuan yang patut ada pada kita kali ini merupakan satu anjakan baru dan memerlukan pengurusan perubahan atau *change management*. MPSP merupakan satu entiti yang sentiasa memerlukan kepada perubahan bagi membolehkan kita mampu memenuhi tuntutan atau kehendak semasa *stakeholders* termasuk memastikan visi dan misi MPSP jelas. Ini penting bagi kita membuat

pengubahsuaian dan penambahbaikan sistem-sistem atau cara kerja yang ada di dalam organisasi kita supaya menjadi lebih efektif dan efisyen.

Kegagalan melakukan atau bertindak mengikut perubahan dan tuntutan *stakeholders* akan menyebabkan kita menjadi PBT yang ketinggalan dan gagal mencapai aspirasi rakyat. Oleh itu, semua kakitangan terutamanya pihak pengurusan perlu berperanan memberikan keyakinan kepada kakitangan atau kumpulan di bawah mereka agar sentiasa bersedia untuk melakukan perubahan dan yang paling utama perubahan tersebut perlu menjurus kepada kepuasan hati rakyat dan kecemerlangan perkhidmatan MPSP.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

MPSP sentiasa berusaha untuk meningkatkan kompetensi staf dengan pelbagai pendedahan. Antaranya melalui latihan, pendedahan dan kolaborasi dengan pihak luar untuk melahirkan kakitangan yang berpengalaman, berkemahiran dalam bidang masing-masing dan berkeyakinan tinggi untuk menghadapi cabaran yang mendatang dan terus relevan dengan tuntutan semasa.

Walau bagaimanapun, MPSP juga amat menitikberatkan soal integriti dan disiplin kepada semua kakitangan tidak kira kumpulan pengurusan tertinggi atau sokongan. MPSP sememangnya amat komited dalam usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, tata tertib dan pecah amanah di kalangan kakitangan.

Usaha dalam memerangi rasuah merupakan usaha secara kolektif dan tidak hanya diletakkan di bahu agensi berwajib sahaja dan gejala ini semakin serius apabila ia melibatkan penjawat awam yang menjadi tulang belakang bagi satu-satu jabatan kerajaan seperti MPSP.

Untuk makluman Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan, sebanyak empat (4) orang kakitangan MPSP telah diambil tindakan berhubung kes yang melibatkan aktiviti suapan / sogokan dari tahun 2010 hingga 2017. Seorang kakitangan telah dijatuhkan amaran dan ditangguhkan pergerakan gaji setahun, manakala dua (2) orang kakitangan telah dibuang kerja dan seorang lagi ditamatkan perkhidmatan.

Kejayaan sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bergantung kepada sistem perkhidmatan yang cekap, akauntabiliti dan telus (CAT). Untuk mewujudkan perkhidmatan PBT yang mampu memacu pembangunan serta memberi perkhidmatan terbaik, pihak pengurusan PBT semestinya bersikap profesional, mengamalkan sistem tadbir urus yang

berakauntabiliti dan mengamalkan budaya kerja yang cemerlang serta mempunyai keutuhan yang tinggi.

MPSP adalah organisasi pertama yang dipersijilkan Sistem Pengurusan Anti-Suapan / Sogokan ISO 37001:2016 (ABMS) oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 20 Oktober 2017 dengan nombor siri pensijilan ABMS 00101. Sistem ini dilaksanakan di MPSP bertujuan untuk memperkasakan pematuhan undang-undang berkaitan suapan / sogokan serta membantu mengurangkan risiko suapan.

Sistem ini dilaksanakan di MPSP bertujuan untuk memperkasakan pematuhan undang-undang berkaitan suapan serta dapat mengurangkan risiko suapan dalam tugas harian pegawai. Selainnya, manfaat yang boleh diperolehi MPSP daripada pelaksanaan sistem ini adalah:

- a) Membudayakan dan meningkatkan integriti kakitangan MPSP dalam pelaksanaan tugas;
- b) Meningkatkan reputasi MPSP;
- c) Meningkatkan moral pekerja

MPSP berharap agar satu hari MPSP akan menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan bebas rasuah / sogokan.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga MPSP yang selama ini telah menyumbangkan tenaga dan buah fikiran sehingga MPSP telah mengorak langkah menjadi bandaraya pada 16 September 2019. Kejayaan ini merupakan hadiah yang tidak ternilai yang harus dibanggakan. Memandangkan kita semua berada di ambang bandaraya, tanggungjawab kita akan menjadi lebih berat terutama dari segi kebersihan, pencahayaan, menyediakan infrastruktur yang baik, menyediakan tempat riadah yang selesa dan bermacam-macam lagi.

Oleh itu, saya berharap agar semua kakitangan MPSP dapat terus memberikan komitmen yang terbaik di dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dan sentiasa menjaga nama baik organisasi. Bukan mudah untuk meletakkan MPSP sepetimana tahap sekarang ini. Tetapi saya yakin dan percaya dengan adanya kerjasama dan usaha kita pasti dapat lakukan yang terbaik.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan tuan-tuan dan puan-puan kepada MPSP sehingga ke akhir perkhidmatan. Sesungguhnya sumbangan bakti inilah yang telah banyak membantu kepada kecemerlangan MPSP hari ini dan menjadi contoh kepada warga MPSP yang masih berkhidmat. Marilah kita sama-sama mendoakan semoga hari-hari persaraan tuan-tuan dan puan-puan yang kita raikan pada petang ini dilimpahkan segala rahmat dan keberkatan, di samping berada dalam keadaan sihat lagi sejahtera. Tahniah juga kepada pihak urusetia dan jawatankuasa penganjur majlis yang telah menjayakan majlis yang amat bermakna petang ini.

Dengan ini, saya Sudah dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Sekian, terima kasih.**